

KELEBIHAN KAD DEBIT-i BANK ISLAM VISA (BIDC-i)

- 1) Penerimaan yang luas di lebih 30 juta rangkaian perniagaan dan pembekal servis Visa di seluruh dunia.
- 2) Kemudahan Pembayaran Terus dari akaun simpanan/semasa/Al-Awfar anda.
- 3) Kemudahan Pengeluaran Tunai di lebih 2 juta ATM VisaPlus.
- 4) Kemudahan Pengeluaran Tunai di stesen minyak Petronas terpilih.
- 5) Kemudahan Melaksanakan Transaksi Akaun Tabung Haji
- 6) Pembayaran Tanpa Sentuh untuk pembelian runcit dengan menggunakan aplikasi payWave. Hanya untuk Kad dengan logo payWave sahaja.
- 7) Kemudahan membuat sumbangan dengan e-Donation melalui Visa payWave di masjid-masjid terpilih.
- 8) Ahli Kad akan menikmati diskaun istimewa daripada rakan niaga yang terpilih dengan setiap pembelian menggunakan Kad Debit-i Bank Islam.
- 9) Ciri Keselamatan dengan "Smart Chip Security"
- 10) Kad Debit-i Universiti dikeluarkan kepada pelajar-pelajar dan/atau pekerja-pekerja di universiti (Unidebit) tersebut bagi menikmati kemudahan tambahan yang diberikan oleh pihak universiti selain dari kemudahan BIDC-i yang sedia ada.

BIDC-i INI BOLEH DIGUNAKAN BAGI TRANSAKSI BERIKUT

- 1) **Pengeluaran Tunai di dalam dan luar negara**
Memiliki fungsi Kad ATM bagi pengeluaran wang di:
 - a. ATM Bank Islam
 - b. ATM yang mempunyai logo MEPS
 - c. ATM yang mempamerkan logo VisaPlus
 - d. Kaunter "Cash Out" di Stesen minyak Petronas terpilih. Sila rujuk kepada www.bankislam.com.my untuk terma dan syarat dan senarai lengkap stesen minyak Petronas yang terpilih

Sila hubungi Pusat Panggilan Bank Islam atau emel ke picc.customer.service@bankislam.com.my untuk pengaktifan kemudahan pengeluaran wang tunai di ATM luar negara
- 2) **Melakukan pembelian runcit di lebih 30 juta rangkaian perniagaan & pembekal servis Visa di seluruh dunia.**
- 3) **Melakukan pembayaran bil dan pembelian melalui internet dan Perbankan Mudah Alih-i TAP.**
Sila kemaskini nombor telefon bimbit anda bagi menerima Kod Akses untuk setiap transaksi internet yang dilakukan.
- 4) **Melakukan urusan perbankan Akaun Tabung Haji.**
Pengeluaran wang, pindahan akaun dan pertanyaan baki di semua ATM Bank Islam.
Ahli Kad diminta untuk mendaftar Akaun Tabung Haji di kaunter Bank Islam sebelum melakukan sebarang urusan akaun Tabung Haji.

- SILA TANDATANGAN DI BELAKANG KAD SEBAIK SAHAJA KAD DITERIMA
- JANGAN DEDAHKAN KAD ANDA KEPADA PERALATAN MAGNETIK
- SEMAK PENYATA AKAUN ANDA DARI SEMASA KE SEMASA BAGI MEMASTIKAN SETIAP TRANSAKSI YANG DILAKUKAN ADALAH BETUL

UNTUK KEHILANGAN ATAU KECURIAN BIDC-i URUSNIAGA TANPA KEBENARAN ATAU PENDEDAHAN PIN, MAKLUMKAN SEGERA KE PUSAT PANGGILAN BANK ISLAM DI:

03-26 900 900
www.bankislam.com.my

FI DAN CAJ	AMAUN *
Pengeluaran Wang Tunai di ATM Bank Islam	Percuma
Pengeluaran Wang Tunai di ATM melalui MEPS	<ul style="list-style-type: none"> • Bank Tempatan - RM1.00 setiap pengeluaran. • Bank Asing - RM4.00 setiap pengeluaran
Pengeluaran Wang Tunai di mana-mana ATM melalui VISA Plus	RM10.00 setiap pengeluaran
Fi permintaan salinan draf jualan	<ul style="list-style-type: none"> • Asal - RM15.00 setiap slip. • Salinan - RM5.00 setiap slip.
Transaksi Tabung Haji di ATM Bank Islam	<ul style="list-style-type: none"> • RM1.00 setiap transaksi pengeluaran wang tunai • RM1.00 setiap transaksi simpanan wang tunai

Sila rujuk laman web kami di www.bankislam.com.my untuk maklumat fi dan caj.

CAJ PRA-KEBENARAN

Caj yang dikenakan melebihi amaun sebenar bagi tujuan kelulusan.

JENIS PENGGUNAAN	CAJ YANG DIKENAKAN
Hotel	Semasa daftar masuk Caj pra-kebenaran akan dikenakan
	Semasa daftar keluar Caj pra-kebenaran akan dibatalkan serta-merta dan jumlah yang sebenar akan dicaj.
Petrol	Pam layan diri RM200 akan dipegang sementara. Amaun sebenar akan dicaj dan pihak Bank akan memulangkan semula lebihan amaun caj pra-kebenaran (jika ada) ke dalam akaun yang sama dalam masa 3 hari bekerja dari tarikh transaksi. Tiada caj pra-kebenaran apabila membuat pembayaran menggunakan BIDC-i di kaunter.

HAD PERBELANJAAN HARIAN *

Pengeluaran Tunai	Had pengeluaran maksimum adalah RM5,000 sehari
Belian Runcit/Internet	RM2,000 atau 20 kali transaksi sehari
Belian Runcit Tanpa Sentuh (payWave)	Sehingga RM250 setiap transaksi atau RM2,000 sehari. Jika melebihi had, PIN diperlukan untuk meneruskan transaksi

*Had ini boleh disekat / ditingkatkan / dikurangkan dengan menghubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900 atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Islam yang berhampiran. Untuk Ahli Kad bawah umur, sila rujuk terma dan syarat BIDC-i di laman web Bank Islam.

KESELAMATAN DAN PENJAGAAN KAD

JANGAN

- 1) Dedahkan butir-butir BIDC-i atau PIN kepada orang lain;
- 2) Menulis / merekodkan PIN BIDC-i, atau apa-apa sahaja yang disimpan di kawasan berdekatan dengan BIDC-i;
- 3) Menggunakan tarikh lahir anda, nombor kad pengenalan, pasport, lesen memandu atau nombor telefon anda sebagai PIN
- 4) Membenarkan orang lain untuk menggunakan BIDC-i dan PIN anda.
- 5) Meninggalkan BIDC-i atau apa sahaja yang mengandungi BIDC-i dalam keadaan tanpa pengawasan, di tempat-tempat yang boleh dilihat dan boleh diambil oleh orang lain

SILA MAKLUMKAN KEPADA PIHAK BANK DENGAN SERTA MERTA

- 1) Apabila menerima mesej pesanan ringkas (SMS) mengenai transaksi tanpa kebenaran telah berlaku
- 2) Apabila mengetahui BIDC-i telah hilang, dicuri, urus niaga tanpa kebenaran telah berlaku atau PIN mungkin telah terjejas
- 3) Mengenai sebarang perubahan nombor telefon dan alamat
- 4) Sekiranya terdapat sebarang percanggahan pada penyata

JENIS KAD	PENGELUARAN KAD	FI TAHUNAN	PENGGANTIAN KAD *
1. Team Harimau payWave 2. Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) payWave 3. Badminton Association of Malaysia (BAM) payWave 4. Malaysia Rugby Union (MRU) payWave	RM12.00	RM13.00	RM12.00
Kelab Bolasepak Negeri payWave	RM12.00	RM15.00	RM12.00
Universiti (Unidebit)	RM10.00	RM10.00	Ditentukan oleh pihak Universiti
Perbadanan Tabung Pendidikan Nasional (PTPTN) payWave	RM10.00	RM10.00	RM12.00

* disebabkan oleh kehilangan, kecurian & lupa PIN.

MAKLUMAT AM

- 1) Kad Debit-i Bank Islam Visa adalah berasaskan Konsep Ujrah. Konsep Ujrah ialah suatu pembayaran untuk penggunaan perkhidmatan yang diberikan oleh suatu pihak lain. Ujrah berlaku apabila fi atau caj dikenakan oleh Bank Islam ke atas Ahli Kad bagi penggunaan perkhidmatan yang disediakan berkaitan BIDD-i.
- 2) Ahli Kad hendaklah tidak membenarkan pihak ketiga untuk menggunakan BIDD-i anda dan tidak boleh memindah milik, atau menyerahkan kawalan atau pemilikan BIDD-i, atau menggunakannya untuk tujuan yang tidak dibenarkan oleh Bank.
- 3) Ahli Kad adalah bertanggungjawab untuk mematuhi terma dan syarat bagi penggunaan BIDD-i. Untuk terma dan syarat, sila layari www.bankislam.com.my
- 4) Atas dasar keselamatan, Ahli Kad hendaklah memaklumkan kepada pihak Bank terlebih dahulu setiap kali Ahli Kad hendak ke luar Negara. Ahli Kad juga hendaklah memaklumkan pihak Bank tentang hasratnya untuk berada di luar Malaysia bagi tempoh lebih daripada tiga puluh (30) hari. Semua transaksi yang dilakukan di luar Malaysia adalah tertakluk kepada kadar tukaran wang semasa.
- 5) Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab ke atas penggunaan BIDD-i termasuk tidak menggunakannya untuk aktiviti yang bercanggah dengan undang-undang dan mematuhi Prinsip Syariah.
- 6) Ahli Kad adalah dinasihatkan untuk menghubungi pihak Bank di talian 03-26 900 900 untuk sebarang pertukaran atau tujuan mengemaskini maklumat yang berkaitan Ahli Kad seperti nombor telefon dan alamat surat-menyurat untuk memastikan sebarang pemberitahuan atau maklumat berkaitan BIDD-i dapat disalurkan secara efektif.

MAKLUMAT AM

- 7) Bermula 1 Januari 2016, sebagai langkah berjaga-jaga dalam melindungi Ahli Kad, semua BIDD-i telah disekat dari transaksi di luar negara dan transaksi tanpa kad yang tidak dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan yang tinggi. Walaubagaimanapun, Ahli Kad boleh memilih untuk bersetuju dan membenarkan BIDD-i anda untuk melakukan transaksi di luar negara dan transaksi tanpa kad tersebut dengan menghubungi talian 03-26 900 900.
- 8) Sekiranya Ahli Kad menggunakan BIDD-i untuk pembelian barangan dan/atau perkhidmatan menerusi internet atau portal, Ahli Kad hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan penggunaannya pada setiap masa. Ahli Kad bersetuju bahawa pemasukan maklumat BIDD-i di internet atau portal hendaklah menjadi bukti mencukupi tentang kesahihan arahan yang telah dibuat. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap penggunaan BIDD-i sedemikian tanpa mengambil kira sama ada individu tersebut diberi kebenaran atau tidak dan tanpa mengambil kira keadaan semasa transaksi berlaku.
- 9) Bagi tujuan pendebitan yuran tahunan, baki minima yang perlu dikekalkan adalah seperti berikut (Tertakluk kepada jenis-jenis akaun):

JENIS AKAUN	BAKI MINIMA
Akaun Semasa Wadiah & Asas	Tiada baki minima yang ditetapkan
Akaun Simpanan Wadiah	RM10
Akaun Simpanan Asas	RM20
Akaun Al-Awfar	RM50

PIN & PAY dalam 2 langkah mudah

Langkah 1
Masukkan atau sentuh kad anda pada terminal.

Langkah 2
Masukkan PIN 6 digit.

Tada tandatangan diperlukan.

Pembelian dengan Visa payWave

Langkah 1
Lihat tanda Visa payWave

Langkah 2
Bell!

Langkah 3
Mulakan transaksi

Langkah 4
Tandatangan diperlukan

Langkah-langkah untuk pembelian runcit



Satu penghijrahan dengan lebih manfaat

Terima kasih kerana memilih Kad Debit-i Bank Islam Visa. Kami telah sertakan ciri-ciri dan maklumat penggunaan kad di dalam sampul ini untuk kemudahan anda.

Untuk keterangan lanjut, terma dan syarat layari www.bankislam.com.my

